

# METODOLOGI PENGUMPULAN DATA DALAM PENYELIDIKAN KUALITATITIF

Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

## Suggested Citation:

Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif in *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012* at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.

## PENGENALAN

Penyelidikan kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri yang berbeza dengan penyelidikan kuantitatif. Data kualitatif ialah dalam bentuk temubual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Nota lapangan dan diari pengkaji merupakan penyokong utama dalam mengesahkan kerja-kerja lapangan yang dijalankan dalam kajian kualitatif. Bab ini cuba mengupas dengan mendalam bentuk data, kekekuatan dan kelemahan metodologi bagi setiap data yang dikumpul, serta proses pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif.

# METODOLOGI PENGUMPULAN DATA DALAM PENYELIDIKAN KUALITATITIF\*

**DR. KAMARUL AZMI JASMI**

Fakulti Tamadun Islam  
Universiti Teknologi Malaysia

## PENGENALAN

Penyelidikan kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri yang berbeza dengan penyelidikan kuantitatif. Data kualitatif ialah dalam bentuk temubual, pemerhatian, dan analisis dokumen. Nota lapangan dan diari pengkaji merupakan penyokong utama dalam mengesahkan kerja-kerja lapangan yang dijalankan dalam kajian kualitatif.

Bab ini cuba mengupas dengan mendalam bentuk data, kekekuatan dan kelemahan metodologi bagi setiap data yang dikumpul, serta proses pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif.

## PENGUMPULAN DATA KUALITATIF

Data kualitatif berbentuk deskriptif, berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati (Taylor dan Bogdan, 1984). Data kualitatif terhasil daripada tiga jenis data sebagaimana mana berikut (Patton, 1990):

- (1) Hasil pemerhatian: uraian terperinci tentang situasi, kejadian, interaksi, dan tingkah laku yang diamati di lapangan.
- (2) Hasil pembicaraan: kutipan langsung dari pernyataan orang-orang tentang pengalaman, sikap, keyakinan, dan pemikiran mereka dalam kesempatan temubual mendalam
- (3) Bahan tertulis: petikan atau keseluruhan dokumen, surat-menyurat, rakaman, dan kes sejarah.

**Jadual 3.1** Bentuk dan Teknik Pengumpulan Data

Bentuk Data	Teknik Pengumpulan Data		
	Bilangan & Sampel	Pemerhatian & Berperanan serta	Temubual Mendalam
Sumbangan & frekuensi	Protobentuk & Bentuk terbaik	Umumnya tidak memadai dan tidak efisien	Kadang-kadang tetapi tidak selalu memadai; jika memadai maka efisien
Kejadian & sejarah	Tidak memadai, tidak efisien	Protobentuk dan bentuk terbaik	Memadai dan efisien asalkan berhati-hati
Norma & status	Memadai, tetapi tidak efisien	Memadai tetapi tidak efisien, kecuali menggali norma yang tidak terucapkan	Protobentuk dan bentuk terbaik

Sumber: Zelditch (1979)

\* Kertas kerja dibentangkan di Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 1 2012 pada 28-29 Mac 2012 di Puteri Resort Melaka anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.

Teknik pengumpulan data perlu disesuaikan dengan bentuk data (Jadual 1). Pilihan teknik pengumpulan data tersebut mestilah didasari dengan pertimbangan berikut (Zelditch, 1979):

- (1) Syarat kecukupan informasi: apakah teknik tersebut memberi peluang pengkaji untuk memperoleh pengertian yang mendalam dan tepat?
- (2) Syarat efisiensi: data diperoleh secara mencukupi dengan perbelanjaan sekecil-kecilnya dalam hal waktu, akses dan kos.
- (3) Syarat pertimbangan etika: tidak mengganggu privasi individu, tidak berada dalam keadaan bahaya atau berisiko, serta tidak menyalahi hak asasi manusia.

Selain pertimbangan tiga perkara ini, pengkaji juga perlu mempertimbangkan kemampuan dirinya sendiri dalam melaksanakan kajian dengan melihat perkara berikut (Lofland, dikutip Sitorus, 1998):

- (1) Pengkaji kualitatif cukup dekat dengan orang atau situasi yang dikaji, sehingga memungkinkan pemahaman yang mendalam dan tentang hal yang sedang berlangsung.
- (2) Pengkaji kualitatif berupaya menangkap hal yang secara sebenar terjadi dan yang dikatakan subjek pengkajian.

Sumber data primer adalah responden dan informan. Responden berbeza dari informan. Responden adalah sumber data tentang keragaman dalam gejala, berkaitan dengan perasaan, kebiasaan, sikap, motif dan persepsi. Sedangkan informan ialah sumber data yang berhubungan dengan pihak ketiga, dan data tentang hal yang membentuk atau gejala umum.

Sesuai dengan sifat keluasan dalam rekabentuk pengkajian kualitatif, maka tidak ada penghadan jumlah dan bentuk informan secara pasti. Hanya ada rencana umum mengenai siapa yang akan ditemubual dan bagaimana menemukannya di lapangan. Responden dipilih secara sengaja, setelah sebelumnya membuat tipologi (ideal) individu dalam masyarakat. Apa yang penting di sini bukanlah jumlah kes responden, tetapi potensi tiap kes responden untuk memberi pemahaman secara teoritis yang lebih baik mengenai aspek yang dipelajari.

Pengkaji dianjurkan metemubual orang yang akrab atau mengenal suatu topik atau peristiwa. Penting untuk mengubah-ubah bentuk orang yang ditemubual, sampai pengkaji dapat mengungkapkan keseluruhan pandangan subjek pengkajian. Titik ini dianggap tercapai apabila tambahan responden atau informan tidak lagi menghasilkan pengetahuan baru (tepu).

Pilihan informan tergantung kepada jenis informasi yang hendak dikumpulkan, yang ditemukan dari teknik bola salji (*snow ball*). Dalam teknik ini pengkaji harus mengenal beberapa informan kunci dan meminta mereka memperkenalkannya kepada informan lain. Informan kunci dapat ditemukan melalui cara:

- (1) Bertanya kepada teman, saudara, dan kontak peribadi.
- (2) Terlibat bersama masyarakat yang ingin dipelajari
- (3) Mendekati berbagai organisasi dan badan terkait

Dengan cara ini, keseluruhan informan dan responden yang hendak dikaji bagi menyelesaikan sesuatu kes dapat diselesaikan.

## **TEMU BUAL DALAM PENYELIDIKAN KUALITATIF**

Temubual dalam penyelidikan kualitatif terbahagi kepada dua bahagian, iaitu temubual mendalam dan temu bual kumpulan fokus.

### **Temu Bual Mendalam**

Dalam membicarakan cara mengumpulkan data dalam penyelidikan kualitatif. Temu bual mendalam merupakan instrumen yang agak penting. Sabtajuk berikut akan membicarakan definisi temu bual mendalam; kekautan kaedah dan teknik; jenis temubual mendalam, dan kelemahannya.

#### ***Definisi***

Kaedah ini menggunakan penemu ramah yang menjalankan temu bual yang terperinci berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan. Apa-apa yang disebutkan oleh responden merupakan data penting kajian. Tindak balas yang relevan akan dicatatkan kata demi kata.

Melalui kaedah ini seseorang pengkaji boleh memperoleh kefahaman yang meluas dan sempurna dengan cara “mendalami” sesebuah topik tertentu. Pada masa yang sama, pendekatan ini unik atas sebab yang berikut:

- (1) Sampel yang lebih kecil akan digunakan.
- (2) Pengkaji boleh memberikan keterangan yang terperinci tentang sebab di sebalik jawapan responden.
- (3) Ia juga mengizinkan pemerhatian yang lebih lama tentang respons.

Hal ini kerana temubual mampu menghasilkan data yang tidak terjangkau oleh responden kerana batasan masa.

#### ***Kekautan Kaedah dan Teknik Temubual***

Temubual mendalam ialah temu muka berulang antara pengkaji dan subjek pengkajian, dalam rangka memahami pandangan subjek pengkajian mengenai hidupnya, pengalamannya, ataupun situasi sosial sebagaimana diungkapkan dalam bahasanya sendiri (Taylor dan Bogdan, 1984). Temubual mendalam adalah percakapan dua arah dalam suasana kesetaraan, akrab dan informal. Teknik ini sesuai pada situasi:

- (1) Aspek yang menjadi perhatian pengkajian sudah jelas dan dirumuskan dengan tepat.
- (2) Orang yang menjadi subjek pengkajian tidak terjangkau kerana berkaitan dengan peristiwa lalu.
- (3) Pengkaji menghadapi keterbatasan waktu, sehingga tidak mungkin melakukan pemerhatian dengan cara penglibatan penuh.
- (4) Pengkajian tergantung pada orang dalam skala luas lagi besar.
- (5) Pengkaji ingin menjelaskan pengalaman subjek manusia: riwayat hidup memungkinkan pengkaji mengenal subjek pengkajian secara akrab, melihat dunia lewat mata mereka dan masuk lewat pengalaman mereka.

Di sinilah kekuatan yang penting teknik temubual dalam mendapatkan data yang tidak terjangkau oleh pengkaji.

### ***Jenis Temubual Mendalam***

Temubual mendalam bersifat luas, terbuka, tidak terstruktur, dan tidak semestinya bersifat tetap. Intinya ialah pertemuan berulang kali secara langsung antara pengkaji dan subjek pengkajian. Tujuannya untuk memahami pandangan subjek pengkajian tentang kehidupan, pengalaman, atau situasi subjek pengkajian, sebagaimana diungkapkan dalam bahasanya sendiri. Dalam status sebagai teknik metodologi, maka penemubual dituntut untuk memenuhi dua hal sekaligus:

- (1) Mempelajari pertanyaan yang ditanyakan, dan bagaimana menjawabnya.
- (2) Memperoleh jawaban dari pertanyaan yang diajukan. Tidak ada gunanya mengajukan pertanyaan yang pengkaji sendiri tidak mengerti bagaimana harus menjawabnya.

Berdasarkan isi dan bahan, temubual mendalam dibezakan menjadi tiga jenis temubual, iaitu:

- (1) Temubual untuk menggali riwayat hidup sosiologis. Riwayat hidup menyajikan pandangan orang mengenai kehidupannya dalam bahasanya sendiri. Pengkaji berupaya menangkap pengalaman penting dalam kehidupan seseorang menurut definisi orang tersebut.
- (2) Temubual untuk mempelajari kejadian dan kegiatan, yang tak dapat diamati secara langsung. Orang yang ditemubuali ialah responden atau informan yang hidup di lingkungan sosial yang dikaji. Mereka bertindak sebagai "pengamat" bagi pengkaji, mata dan telinganya di lapangan. Responden atau informan tidak saja mengungkapkan pandangannya, tetapi juga menjelaskan apa yang terjadi dan bagaimana orang lain memandang.
- (3) Temubual untuk menghasilkan gambaran luas mengenai sejumlah program, situasi atau orang. Temubual lebih tepat untuk mempelajari sejumlah besar orang dalam waktu singkat dibandingkan pemerhatian bersama. Dari segi jumlah orang yang ditemubuali.

Temubual mendalam dibezakan menjadi dua jenis, iaitu temubual perseorangan dan temubual kelompok. Riwayat hidup individu lazimnya dikumpulkan melalui temubual perseorangan.

### ***Kelemahan Temubual Mendalam***

Namun begitu terdapat beberapa kelemahan yang boleh dilihat dalam temubual mendalam ini, iaitu:

- (1) Sebagai suatu percakapan, temubual terbuka akan kemungkinan pemalsuan, penipuan, berlebih-lebihan, dan penyimpangan fakta. Dapat terjadi perbezaan besar antara yang dikatakan dan dilakukan responden atau informan.
- (2) Orang mengatakan dan melakukan hal yang berbeza dalam situasi yang berbeza. Tidak dapat dianggap bahawa apa yang dikatakan seseorang pada saat temubual adalah apa yang diyakini dan dikatakannya dalam situasi lain.

- (3) Sejauh penemubual tidak mengamati langsung orang dalam kehidupan mereka sehari-hari, maka penemubual terjauhkan dari konteks yang penting guna memahami banyak pandangan yang dikajinya.

Kelemahan ini hanya boleh diatasi jika data yang dikumpul melalui temubual mendalam ini dapat ditanggulaskan dengan data yang lain sama ada dalam kelompok data temubual mendalam atau data daripada kumpulan fokus, pemerhatian, dan analisis dokumen.

### **Temu Bual Kumpulan Fokus**

Temubual kumpulan fokus merupakan teknik pengumpulan data yang baik dalam penyelidikan kualitatif. Subtajuk cuba membincangkan definisi temu bual kumpulan fokus; kekuatan kaedah dan teknik; jenis temubual mendalam, dan kelemahannya.

#### ***Definisi***

Kaedah perbincangan kumpulan fokus (*Focus Group Discussion* - FGD) merupakan kaedah kualitatif yang popular. Melalui kaedah ini, pengkaji memilih sekumpulan orang yang mempunyai ciri tertentu untuk mengadakan sesi perbincangan. Seorang fasilitator (pemudah cara) yang dilantik akan menentukan hala tuju perbincangan tersebut. Apa-apa yang dikatakan oleh ahli kumpulan merupakan data penting dalam FGD dan kaedah ini memberi peluang untuk berkongsi dan membuat perbandingan tentang pengalaman dan pandangan peserta serta memberi peluang untuk berbual-bual tentang perkara yang terjadi dalam dunia sebenar.

Kaedah ini digunakan untuk mendapat kefahaman lebih mendalam tentang sesebuah tajuk, contohnya motivasi, tingkah laku, perasaan, strategi membuat keputusan, atau pendapat orang-orang tertentu terhadap sesuatu isu atau topik. Selain itu, FGD bertujuan untuk mengkaji sesebuah tajuk penyelidikan secara mendalam dan intensif. Tambahan lagi, FGD merupakan suatu strategi untuk memahami audiens atau sikap dan tingkah laku pengguna.

Langkah pertama yang harus diambil ketika melakukan kaedah FGD ialah mendefinisikan masalah yang diperoleh. Sesuatu masalah yang telah didefinisikan haruslah dikenal pasti. Pengkaji juga perlu memilih suatu sampel bagi menentukan audiens atau khalayak yang akan dikaji dan ia bergantung pada tujuan FGD. Antara enam sehingga 12 orang akan ditemu ramah sekali gus dengan bantuan fasilitator yang bakal menentukan hala tuju perbincangan secara bebas tentang sesuatu tajuk. Selepas itu, jumlah kumpulan FGD akan ditentukan dan bahan kajian disediakan—seperti tempat, jenis dan bahan yang digunakan, contohnya rakaman, bahan *online*, serta bayaran (Azizah Hamzah, 2010).

#### ***Kekuatan FGD***

Kaedah penyelidikan ini mempunyai kekuatan tersendiri. Antaranya, FGD mampu menghasilkan pengutipan dan pengumpulan data preliminari atau awalan tentang sesuatu topik. Justeru, kaedah ini boleh digunakan untuk kajian pilot dan mencari idea yang akan diselidiki. Selain itu, hasil boleh diperoleh dengan cepat di samping kos yang efektif. Reka bentuk soalan amat fleksibel dan pengkaji boleh mengadakan perbincangan susulan dengan meminta ahli kumpulan fokus menjawab soal selidik. Fasilitator yang pakar berupaya memerhatikan gerak laku responden dan mendapat data tambahan.

### ***Kelemahan FGD***

Perbincangan kumpulan fokus boleh didominasi oleh ahli yang autoritatif atau mana-mana pihak yang melantik diri sendiri sebagai ketua dan cuba menekankan pendapatnya lalu mempengaruhi pendapat ahli lain. FGD juga banyak bergantung pada kepakaran fasilitator kerana ahli kumpulan yang mungkin kurang representatif, berkemungkinan besar akan tenggelam. Alat rakaman yang digunakan juga berkemungkinan besar boleh menakutkan responden (Azizah Hamzah, 2010).

### **Panduan Pertanyaan**

Terutama dalam pengkajian besar yang melibatkan sejumlah penemubual, suatu panduan pertanyaan memungkinan penemubual untuk menggali topik-topik konci yang sama dari responden atau informan. Panduan pertanyaan bukanlah daftar pertanyaan terstruktur, melainkan berupa aspek-aspek yang hendak digali dari responden atau informan. Bagaimana aspek tersebut ditanyakan perlu diputuskan oleh pengkaji sendiri di lapangan. Syarat penyusunan panduan temubual mendalam ialah: pengetahuan awal perihal topik temubual (misalnya dari literatur), dan orang yang hendak ditemubuali.

### ***Memulakan Sesi Temubual***

Hubungan yang baik atau rappo merupakan aspek terpenting dalam perbualan awal penyelidikan dengan responden atau informan. Pada tahap ini pertanyaan bersifat umum saja. Jangan terus masuk pada inti persoalan, sehingga boleh menyulitkan responden atau informan yang belum siap ditemubual.

Penemubual seharusnya menemukan cara terbaik untuk membawa responden atau informan menjadi terbuka. Terbuka bererti mereka bersedia mengungkapkan pandangannya dan pengalamannya secara "lepas". "Lepas" ditunjukkan dengan tidak membatasi percakapan dan membatasi hal yang hanya sepatutnya mereka katakan. Pengkaji boleh menggunakan cara berikut untuk membawa responden agar menjadi lebih terbuka (Taylor dan Bogdan, 1984):

- (1) Pertanyaan deskriptif. Temubual sebaiknya dimulai dengan meminta responden atau informan untuk menjelaskan, mendaftar atau menguraikan ragam dan situasi kejadian, pengalaman, tempat, dan orang-orang yang memiliki erti penting dalam kehidupannya. Pertanyaan deskriptif memungkinan orang untuk menceritakan secara bebas apa yang dianggapnya penting.
- (2) Meminta responden atau informan untuk menuliskan kisahnya atau riwayat hidupnya. Pengkaji memberi petunjuk penulisan. Setelah selesai tulisan itu dibicarakan bersama untuk melengkapinya.
- (3) Temubual berdasarkan catatan kegiatan harian. Responden atau informan diminta untuk membuat catatan selengkap mungkin tentang kegiatan mereka dalam period waktu tertentu. Catatan tersebut perlu dilengkapi perihal siapa, apa, bila, di mana dan bagaimana kegiatan tersebut dijalankan. Catatan ini kemudian dijadikan dasar atau acuan untuk melakukan temubual mendalam.
- (4) Pengkaji membuat proses analisis dokumen dahulu seperti analisis dokumen peribadi, seperti diari, surat potret atau gambar, rakaman, kenang-kenangan. Dokumen-dokumen

ini dapat digunakan sebagai pencetus dan penuntun temubual tanpa memaksakan suatu struktur pembicaraan terhadap responden atau informan.

Keempat-empat cara ini dianggap boleh membantu untuk mendekatkan lagi hubungan pengkaji dengan responden atau informan serta mampu menggalakan responden dan informan untuk mesra dengan pengkaji.

### ***Ketika Situasi Temubual***

Situasi temubual akan mempengaruhi tahap keumuman informasi yang diperoleh dari responden atau informan. Semakin formal, maka semakin tinggi tahap keumuman informasi.

Berdasarkan tahap keumuman, informasi yang terdapat dalam masyarakat dapat terbahagi dalam empat jenis (Wolters, 1979):

- (1) Informasi umum, iaitu informasi yang diketahui dan dapat dibicarakan oleh siapapun, misalnya berita surat kabar.
- (2) Informasi kepercayaan, iaitu informasi yang diberikan atas dasar kepercayaan, misalnya tentang konflik di desa. Jika pengkaji memperoleh informasi ini, maka ia harus melindungi identiti responden atau informannya.
- (3) Informasi rahsia, iaitu informasi yang hanya diketahui oleh anggota suatu kelompok eksklusif, sehingga sukar diperoleh. Pengkaji yang ingin memperoleh informasi rahsia ini harus mampu masuk ke dalam lingkaran kelompok eksklusif tersebut.
- (4) Informasi peribadi, iaitu rahsia peribadi yang sangat jarang dibicarakan. Pengkaji harus memperlakukan informasi ini dengan hormat.

Panduan membangkitkan situasi temubual yang kondusif antara pengkaji dan responden atau informan:

- (1) Tidak menghakimi. Penemubual harus menahan diri untuk menilai responden atau informan secara negatif, apa yang lebih penting ialah menerima mereka apa yang seadanya. Tenteramkanlah hati mereka saat mengungkapkan informasi yang bersifat personal atau memalukan. Sampaikan pengertian dan empati, misalnya "saya dapat memakluminya", sehingga mereka bersedia mengungkapkannya informasi secara terbuka.
- (2) Biarkan mereka berbicara. Ketika responden atau informan berbicara panjang lebar tentang hal yang tidak bersangkutan paut dengan topik pengkajian, pengkaji perlu berusaha untuk tidak memotongnya, apalagi pada temubual pendahuluan. Mereka dapat diarahkan dengan cara, misalnya pengkaji berhenti mengangguk-angguk, atau mengalihkan topik pembicaraan pada waktu sela bicara. Sebaliknya, ketika responden atau informan mulai bicara tentang hal penting bagi kajian, biarkan pembicaraan berjalan dengan lancar tanpa diganggu oleh pengkaji. Berikan respons positif melalui gerakan tubuh atau pertanyaan yang relevan.



- (3) Berikan perhatian. Penemubual harus menunjukkan perhatian serius kepada apa saja yang dikatakan responden atau informan. Pengkaji juga harus mengetahui bila dan bagaimana menggali maupun mengemukakan pertanyaan yang mengena.

Panduan ringkas ini penting bagi mendapatkan maklumat yang ingin diketahui dan dikumpul oleh pengkaji.

### ***Menggali Informasi Lebih Jauh***

Salah satu kunci keberhasilan temubual mendalam ialah mengetahui bila dan bagaimana cara menggali informasi lebih jauh (*probing*), ertinya pengkaji tidak melanjutkan topik yang terungkap dengan cara:

- (1) Menanyakan pertanyaan spesifik
- (2) Mendorong responden atau informan untuk menerangkan perincian pengalaman
- (3) Meminta penjelasan lanjut mengenai ucapan responden atau informan

Panduan utama dalam penggalian informasi yang mendalam ini daripada responden atau informan ialah (Taylor dan Bogdan, 1984):

- (1) Rumuskan ucapan responden atau informan dan mintalah pengesahan.
- (2) Mintalah responden atau informan untuk menyatakan contoh tentang apa yang mereka maksudkan
- (3) Bertanya kepada responden atau informan jika ada sesuatu maklumat yang masih kurang jelas

Pengesahan dalam kajian kualitatif merupakan aspek yang penting apatah lagi jika berkisar kepada perbezaan antara apa yang responden atau informan percaya dengan apa yang dilakukan oleh mereka dalam situasi realiti. Begitu juga meminta contoh dan meminta keterangan lanjut terhadap setiap fakta yang dikemukakan oleh mereka akan membantu melengkap sesuatu data ketika pengkaji memproses data nanti. Kadang-kadang responden dan informan hanya menjelaskan elemen sesuatu ciri tindakan, oleh itu peranan pengkaji untuk meminta contoh dan meminta penjelasan lanjut.

### ***Semak silangan***

Semak silangan penting untuk memastikan ketepatan data, dengan menerapkan teknik triangulasi. Caranya dengan menemubual "pihak ketiga" yang menguasai topik yang sedang dikaji atau dengan dokumen yang berkaitan dengan isi perbincaraan.

### ***Catatan Harian dalam Nota Lapangan***

Setiap kali selesai temubual dengan subjek pengkajian, pengkaji harus meluangkan waktu untuk menuliskan kembali hasil temubual tersebut dalam bentuk catatan harian. Hal ini sangat penting untuk dilakukan supaya setiap maklumat yang tidak terungkap seperti memek muka, gesture tubuh, dan senyuman boleh melambangkan sesuatu keterangan itu berkemungkinan bukan seperti yang ingin diucapkan.

## KAEDAH PEMERHATIAN

Kaedah pemerhatian terbahagi kepada dua iaitu pemerhatian secara terus (*Direct observation*) dan Pemerhatian melalui penglibatan (*Participant-observation*). Kaedah pemerhatian secara terus ini melibatkan pemerhatian secara langsung seperti pengiraan jumlah pelajar yang di sebuah sekolah. Teknik ini biasanya tidak melibatkan komunikasi dengan manusia. Kaedah pemerhatian melalui penglibatan pula berasal dari bidang antropologi (kajian tentang kehidupan masyarakat). Penyelidik biasanya melibatkan diri dengan masyarakat yang hendak dikajinya untuk memahami dengan jelas sesuatu isu yang berkaitan dengan masyarakat tersebut.

Pengkaji kualitatif secara automatik akan melakukan pemerhatian berperanan serta terhadap subjek pengkajiannya. Pemerhatian berperanan serta merujuk pada proses kajian yang mempersyaratkan interaksi sosial antara pengkaji dan subjek pengkajiannya dalam lingkungan subjek pengkajian itu sendiri. Interaksi ini bertujuan untuk memperoleh data melalui teknik yang sistematik. Alasan metodologis penggunaan teknik ini ialah (Moleong, 1989):

- (1) Pemerhatian memungkinkan pengkaji untuk melihat, merasakan, dan memaknai dunia beserta ragam peristiwa dan gejala sosial dalamnya, sebagaimana subjek pengkajian melihat, merasakan dan memaknainya.
- (2) Pemerhatian memungkinkan pembentukan pengetahuan secara bersama-sama antara pengkaji dan subjek pengkajiannya (intersubjektiviti).

Berdasarkan sejumlah aspek, teknik pemerhatian terbahagi kepada beberapa bahagian sebagaimana berikut (Patton, 1990):

- (1) Berdasarkan tahap peranan serta pengkaji, iaitu peranan serta penuh, peranan serta terbatas, dan tanpa berperanan serta (pengkaji bertindak sebagai penonton sahaja).
- (2) Berdasarkan tingkat keterbukaan peranan pengkaji, iaitu keterbukaan penuh (semua subjek pengkajian mengenal pengkaji dan mengetahui kegiatan pemerhatiannya), keterbukaan terbatas (hanya sebahagian subjek pengkajian mengenal pengkaji dan mengetahui kegiatan pemerhatiannya), dan tertutup penuh (subjek pengkajian tidak mengenal pengkaji dan tidak tahu-menahu tentang kegiatan pemerhatiannya).
- (3) Berdasarkan tingkat keterbukaan tujuan pengkajian, iaitu terbuka penuh (dijelaskan seluruhnya kepada subjek pengkajian), keterbukaan terbatas (dijelaskan sebahagian kepada sebahagian subjek pengkajian), tertutup penuh (tanpa penjelasan kepada subjek pengkajian), dan pemalsuan (memberikan penjelasan palsu atau bohong kepada subjek pengkaji).
- (4) Berdasarkan tingkat kedalaman dan keluasan atau jangka waktu pemerhatian, iaitu jangka pendek (pemerhatian tunggal dalam waktu singkat, misalnya dua jam) dan jangka panjang (pemerhatian berganda dalam waktu lama, misalnya bulanan atau tahunan).
- (5) Berdasarkan himpunan pemerhatian, iaitu himpunan sempit (terhimpun pada suatu unsur saja), dan himpunan luas (tinjauan holistik yang mencakup semua unsur).

Panduan pemerhatian berperanan serta ketika mengumpulkan data kajian sebagaimana berikut (Bachtar, 1985):

- (1) Pembatasan tegas terhadap sasaran pemerhatian, sehingga pemerhatian terarah atau terfokus. Pembatasan ini disesuaikan dengan tujuan dan masalah pengkajian, apa yang akan ingin diterangkan, dan fakta apakah yang digunakan untuk menerangkan.
- (2) Pemerhatian didasarkan pada suatu kerangka pemikiran, walaupun itu bersifat longgar. Kerangka pemikiran ini bukanlah untuk diuji secara empiris, melainkan sebagai panduan pengumpulan data. Dengan demikian menjadi jelas peristiwa atau gejala apakah yang perlu diperhatikan, serta bagaimana kaitan antara peristiwa atau gejala tersebut.

Teknik pemerhatian beranan serta masih terdapat kekurangan dari kedahnya apabila menyentuh perkara berikut:

- (1) Pengkaji dapat menjadi *going native* atau *ethnosentis*, iaitu benar-benar menjadi orang dalam sebagaimana subjek pengkajiannya, sehingga tidak boleh secara jernih merumuskan hasil pengkajian.
- (2) Masalah validiti, iaitu ketika berbeza orang yang mengkaji, maka kemungkinan kesimpulan pengkajian akan berbeza. Perbezaan ini akibat daripada persepsi dan penilaian selektif pengkaji itu sendiri. Hal ini demikian kerana kehadiran pengkaji itu sendiri terkesan kepada perubahan subjek pengkajian. Hal ini ditambah lagi bahawa pengkaji tidak mungkin menyaksikan keseluruhan aktiviti budaya masyarakat.

Namun begitu masalah validiti ini boleh diselesaikan apabila pengkaji membuat triangulasi datanya dengan pelbagai sumber yang lain. Hal ini akan dibicarakan secara mendalam dalam subtrajuk berikutnya.

## **KAEDAH ANALISIS DOKUMEN**

Pada amnya, analisis dokumen ialah pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan yang merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan. Dalam kata lain, bahagian mesej itu dapat didengar, diperoleh dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang telah dikomunikasikan (Sabitha Marican, 2009: 97; Babbie, 2010: 332). Hal ini sebagaimana yang ditakrifkan seperti berikut:

*Document analysis is just what its name implies – the analysis of the written or visual contents of a document. Textbooks, essays, newspapers, novels, magazine articles, cookbooks, political speeches, advertisements, pictures – in fact, the content of virtually any type of written or visual communication can be analyzed in various ways. A person’s or group’s conscious beliefs, attitudes, values, and ideas are often revealed in the document they produce.*

(Fraenkel dan Wallen, 1993: 389)

Pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Dokumen adalah sumber yang paling mudah kepada pengkaji kerana maklumat yang diperlukan telah sedia ada dan sukar untuk menipu. Contoh dokumen yang boleh digunakan jika hendak mengkaji tentang guru:

- (1) Diari atau Jurnal
- (2) Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pengajaran
- (3) Buku Rancangan Mengajar Harian
- (4) Buku teks dan buku rujukan
- (5) Kertas peperiksaan dan ujian bulanan
- (6) Tugas atau buku latihan murid
- (7) Rekod pencapaian atau rekod adab
- (8) Minit mesyuarat panitia
- (9) Jadual Kedatangan Murid
- (10) Gambar foto

Manakala contoh dokumen yang boleh dijadikan bahan analisis jika mengkaji penilaian program di yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (1) Dokumen/data penanda aras.
- (2) Buku panduan program pengajian
- (3) File program pengajian yang juga boleh di akses secara dalam talian
- (4) Kurikulum pengajian.
- (5) Metodologi pengajaran dan pembelajaran.
- (6) Infrastruktur dan teknologi.
- (7) Sistem pentadbiran.
- (8) Perkhidmatan pendidikan yang berkaitan.
- (9) Rekod penilaian dan peperiksaan.
- (10) Data pencapaian pelajar.
- (11) Profil perkembangan pelajar.
- (12) Data tentang purata tempoh pengajian.
- (13) Data keciciran.
- (14) Laporan pengalaman pembelajaran pelajar,
- (15) Data tentang Masa yang digunakan oleh pelajar untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang diminati.

Semua dokumen yang dirasakan perlu perlu diteliti dan dilaporkan dalam satu laporan serta disertakan salinan jika tidak sukar untuk disalin.

### **TRIANGULASI DATA**

Triangulasi ialah kombinasi beragam sumber data, tenaga pengkaji, teori, dan teknik metodologi dalam suatu pengkajian atas gejala sosial. Triangulasi diperlukan kerana setiap teknik memiliki keunggulan dan kelemahannya sendiri. Dengan demikian triangulasi

memungkinkan tangkapan realitas secara lebih tepat dan valid. Terdapat empat bentuk triangulasi (Denzin, 1978):

- (1) Triangulasi data, iaitu penggunaan beragam sumber data dalam suatu pengkajian.
- (2) Triangulasi pengkaji, iaitu penggunaan beberapa pengkaji yang berbeza disiplin ilmunya dalam suatu pengkajian.
- (3) Triangulasi teori, iaitu penggunaan sejumlah perspektif dalam menafsir satu set data.
- (4) Triangulasi teknik metodologi, iaitu penggunaan sejumlah teknik dalam suatu pengkajian.

Dalam sesebuah kajian kualitatif, lagi banyak data ditriangulasikan maka lagi tinggi ketepatan fakta dan lagi kuat keesahannya. Justeru triangulasi data amat diberi perhatian dalam meningkatkan mutu data.

## **DIARI DAN CATATAN HARIAN**

Diari pengkaji merupakan satu catatan diari kajian yang menjelaskan secara ringkas setiap aktiviti yang berlaku sejak daripada turun lapangan sehingga semua data telah selesai dikumpul dan disahkan. Data utama temubual perlu disahkan oleh responden atau informan sebagai salah satu daripada bentuk kesahan kajian.

Manakala catatan harian atau catatan lapangan merupakan instrumen utama yang melekat pada beragam teknik pengumpulan data kualitatif. Terdapat tiga jenis catatan harian:

- (1) Catatan fakta, iaitu data kualitatif hasil pemerhatian dan temubual dalam bentuk huraian terperinci maupun kutipan langsung.
- (2) Catatan teori, iaitu hasil analisis pengkaji di lapangan untuk menyimpulkan struktur masyarakat yang dikajinya, serta merumuskan hubungan antara topik ("variabel") penting pengkajiannya secara induktif sesuai dengan fakta di lapangan.
- (3) Catatan metodologis, iaitu pengalaman pengkaji ketika berupaya menerapkan metode kualitatif di lapangan.

Setiap catatan harian berisi dua bahagian, iaitu bahagian deskriptif, dan bahagian reflektif atau memo. Bahagian deskriptif merupakan bahagian utama, sedangkan memo merupakan catatan pengkaji sebagai kritiknya terhadap bahagian deskriptif. Lihat secara kritis lampiran catatan harian.

Isi catatan fakta tidak boleh berupa penafsiran peribadi pengkaji, melainkan fakta apa yang adanya dan telah teruji kesahihannya. Pengkaji mencatat fakta selengkap dan serinci mungkin. Catatan haruslah berisi hal yang kongkrit. Hal yang bersifat abstrak hanya boleh dimasukkan ketika benar-benar dapat dipercaya atau dibuktikan. Setiap fakta mewakili peristiwa penting yang akan dimasukkan ke dalam bahagian yang nanti hendak disusun, atau sebagai konteks dari suatu kegiatan.

Isi fakta mencakup deskripsi tentang siapa, apa, bilamana, di mana dan bagaimana dari kegiatan yang dilakukan subjek pengkajian. Secara terperinci bahagian ini terkandung:

- (1) Gambaran diri subjek pengkajian, iaitu penampilan fizik, cara berpakaian, cara bertindak, sampai gaya bicara. Usahakan menemukan suatu ciri khas.
- (2) Rekonstruksi dialog, iaitu dicatat secara terperinci pertanyaan dan jawaban responden atau informan. Jika ungkapan mereka terlalu panjang maka perlu dibuat ringkasan yang tepat. Ekspresi mereka turut dicatat.
- (3) Deskripsi latar fizik, iaitu dapat berupa huraian, gambar, atau peta konteks (peta, sketsa, diagram, dan foto).
- (4) Catatan tentang peristiwa khusus, iaitu siapa yang hadir, apa yang dilakukan, bagaimana peristiwa berlangsung.
- (5) Gambaran kegiatan, iaitu huraian terperinci tentang kegiatan responden sehingga diperoleh gambaran tentang pola tindakan.

Catatan metodologi berisi kegiatan pengkaji ketika menggali dan memperoleh data, hubungannya dengan responden atau informan, kritikan terhadap teknik yang ada selama ini sesuai dengan pengalaman lapangan yang dialaminya. Dari catatan metodologi ini seharusnya dapat dirumuskan suatu metode yang lebih cepat dan tepat dalam menggali data tertentu pada subjek pengkajian tertentu, di tempat dan masa tertentu.

Catatan teori dapat menghasilkan hipotesis yang dicari lagi "kebenarannya" di lapangan secara langsung. Setelah jenuh (tidak ada "hasil" yang menyimpang), maka hipotesis tersebut layak dijadikan bahan kesimpulan kajian.

Di sini disajikan salah satu petunjuk teknik penulisan catatan harian, terutama jika analisis data tidak hendak menggunakan program komputer kualitatif:

- (1) Satu catatan untuk setiap satu topik kajian. Jika beragam topik campur aduk dalam catatan harian, maka pengkaji akan kebingungan untuk menganalisisnya; jika yang terakhir ini terpaksa dipilih, ada baiknya menggunakan memo di pinggir catatan harian.
- (2) Harus ada identiti catatan, mencakup topik, sumber informasi (identiti responden atau informan atau sumber sekunder), tempat dan waktu perolehan data, serta identiti pengkaji sendiri.
- (3) Catatan sebaiknya dilakukan dalam waktu sehari atau semalam, utamakan sebelum tidur. Kalau ditangguhkan catatan itu melebihi dari sehari semalam, dibimbangi pengkaji tidak boleh mengingat secara terperinci fakta lapangan. Untuk membantu ingatan dapat pula pengkaji membuat catatan sementara selama temubual, atau menggunakan alat perakam.

Tujuan utama catatan nota lapangan ditulis kerana nota ini menjadi rujukan kepada pengkaji situasi yang berlaku secara keseluruhan ketika berada di lokasi kajian. Hal ini kerana kajian kualitatif lebih mementing proses. Justeru, setiap proses perlu ditunjukkan. Berdasarkan nota lapangan ini kesihatan kajian terbina.

## **RUMUSAN**

Bab ini telah membincangkan secara mendalam pengumpulan data kualitatif pelbagai bentuk data, iaitu temu bual mendalam, temu bual kumpulan fokus, pemerhatian, dan analisis dokumen. Temubual mendalam dan temubual kumpulan fokus telah difokuskan

perbincangannya dari segi definisi kekuatan, kaedah dan teknik temubual, jenis temubual dan kelemahan, panduan pertanyaan dari segi memulakan sesi temubual, ketika situasi temubual, menggali informasi lebih jauh, semak silangan, dan catatan harian. Akhir sekali tulisan ini telah membincangkan tentang triangulasi dan catatan harian yang merupakan catatan penting dalam kajian kualitatif.

## RUJUKAN

- Bachtiar, Harsya W., Mattulada, Haryati Soebadio. 1985. *Budaya dan Manusia Indonesia*. Yogyakarta: Hanindita.
- Fraenkel, Jack R. & Wallen, Norman E. 1993. *How To design and Evaluate Research in Education*. New York: McGraw-Hill.
- Taylor, SJ dan R Bogdan. 1984. *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings*. Second Edition. John Wiley and Sons. Toronto.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods* (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.
- Sitorus, MTF. 1998. *Penelitian Kualitatif: Suatu Perkenalan*. Bogor: Dokis.
- Moleong, LJ. 1989. *Metodologi Penelitian Kualitatif*. Bandung: Remaja Rosdakarya.
- Sabitha Marican. 2005. *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Babbie E. 2010. *The Practice of Social Research*. USA: Wadsworth Cengage Learning.
- Denzin, NK. 1978. *The Research Act: A Theoretical Introduction in Sociological Methods*. McGraw-Hills: New York.
- Azizah Hamzah. 2010. Kaedah Kualitatif dalam Penyelidikan Sosiobudaya dalam *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6 (1).
- Wolters O.W. 1979. Studying Srivijaya, in *Journal of Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 52(2): 1-52